

Naik taraf Sungai Jeluh tertanggung gara-gara peniaga enggan pindah



Zaidy (kanan) mendengar keluhan peniaga yang masih enggan berpindah.

KAJANG – Kerja-kerja menaik taraf Sungai Jeluh yang sepatutnya dilaksanakan awal tahun ini tertanggung lagi kerana masih ada peniaga di pinggir sungai berkenaan enggan berpindah ke tempat baharu.

Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib berkata, keengganan mereka mengganggu usaha menangani masalah banjir di Kajang.

Menurutnya, masalah itu turut menyebabkan kontraktor menanggung kerugian berjumlah RM523,000 kerana gagal merobohkan gerai mengikut jadual.

"Pihak Majlis Perbandaran Kajang telah memberi notis pengosongan gerai pertama kepada 33 unit gerai pada 31 Mei lalu, diikuti notis kedua pada 16 Jun dan notis ketiga yang akan berakhir 22 Julai depan.

"Kontraktor tidak dapat lakukan kerja menaik taraf mengikut perancangan kerja selama 14 hari untuk merobohkan gerai menyebabkan kerugian kira-kira RM2,650 sehari," katanya kepada *Sinar Harian*, ketika lawatan Projek Ke Sungai Jeluh, semalam.

Menurut Zaidy, kira 33 unit kedai beroperasi di atas tanah kerajaan bawah rizab sungai dengan kontrak pajakan selama 20 tahun yang telah berakhir pada Mac lalu.

Katanya, kerajaan negeri terpaksa mengambil semula rizab itu untuk kerja-kerja menaik taraf melibatkan pelebaran sungai daripada lapan menjadi 12 meter dengan tembok setinggi setinggi 1.5 meter bagi menampung aliran air sungai.

Menurutnya, projek perlu disegerakan demi kepentingan awam bagi mengelak risiko banjir berulang.

Katanya, perbincangan telah dilakukan beberapa kali dan ruang telah diberikan kepada peniaga di pasar Kajang.

Malah katanya, kerajaan negeri juga telah memberikan infrastruktur yang terbaik termasuk mengecualikan sewa enam bulan.

"Kita sedang memujuk cara baik, kita tak mahu tertanggung lagi projek ini kerana bimbang banjir berulang," katanya sambil berharap peniaga memberi kerjasama membantu kerajaan menyelesaikan masalah rakyat.